



# AKADEMIK

U N I V E R S I T I T E K N O L O G I M A R A

## BILANGAN 5 TAHUN 2017

### PELAKSANAAN AMANAH TUGASAN PENSYARAH (ATP 3.0) UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA

#### 1.0 TUJUAN

Pekeliling ini bertujuan untuk memaklumkan kepada pihak pentadbiran akademik dan semua warga akademik Universiti Teknologi MARA (UiTM) tentang pelaksanaan Amanah Tugas Pensyarah (ATP 3.0).

#### 2.0 LATAR BELAKANG

2.1 Pelaksanaan Amanah Tugas Akademik (ATP) di UiTM telah bermula sejak 1 Januari 2012. Sumber rujukan utama pelaksanaan ATP adalah seperti berikut:

- a. Pekeliling Akademik Bil. 20/2011  
Garis Panduan Amanah Tugas Pensyarah
- b. Pekeliling Akademik Bil. 8/2013  
Penambahbaikan Pelaksanaan Amanah Tugas Pensyarah (ATP) dan Kelayakan Lebih Masa

2.2 Selaras dengan keperluan dan perkembangan semasa termasuk konsep 4-trek pensyarah, *ranking* universiti, skor MyRA, dan penyeragaman nomenkulatur pentadbir akademik, wujud keperluan bagi menambahbaik pelaksanaan ATP sedia ada.

2.3 Pelaksanaan ATP 3.0 telah diluluskan oleh Mesyuarat Majlis Eksekutif Universiti (MEU) Bil. 05/2017 pada 1 Mac 2017.

### **3.0 TUJUAN PELAKSANAAN**

- 3.1 Pelaksanaan ATP 3.0 ini adalah lebih relevan dan sejajar dengan dasar dan polisi UiTM serta Kementerian Pendidikan Tinggi.
- 3.2 Pekeliling ini digubal bertujuan untuk memberikan maklumat kepada semua pihak yang berkepentingan di fakulti/cawangan/pusat akademik.
- 3.3 Dilampirkan bersama garis panduan ATP 3.0 bagi membantu kelancaran operasi di fakulti/cawangan/pusat akademik masing-masing. Sehubungan ini, semua pensyarah UiTM perlu melengkapkan maklumat ATP masing-masing dengan mengisi Kalkulator ATP 3.0.

### **PEKELILING BERKAITAN**

- 4.0 Dengan ini, Pekeliling Akademik Bil. 20/2011 (Garis Panduan Amanah Tugas Pensyarah) dan Pekeliling Akademik Bil. 8/2013 (Penambahbaikan Pelaksanaan Amanah Tugas Pensyarah (ATP) dan Kelayakan Lebih Masa) adalah terbatal.

### **TARIKH DIKELUARKAN**

- 5.0 Pekeliling ini dikeluarkan pada 14 Mac 2017.

### **TARIKH KUATKUASA**

- 6.0 Pekeliling ini berkuatkuasa 1 Mac 2017.



**PROFESOR Sr Ir Dr SUHAIMI ABDUL TALIB**  
Timbalan Naib Canselor (Akademik & Antarabangsa)

*Dikelilingkan kepada:*

*Semua Ketua Jabatan/Bahagian/Pusat/Unit  
Semua Dekan Fakulti/Akademi/Pusat  
Semua Rektor UiTM Cawangan*

*Bil. Fail : 100-HEA (6/4)  
Kategori Pekeliling : Garis Panduan*

# GARIS PANDUAN AMANAH TUGASAN PENSYARAH (ATP 3.0)


## 1.0 PENGENALAN

- 1.1 Amanah Tugas Pensyarah (ATP) merupakan satu konsep yang diperkenalkan di Universiti Teknologi MARA (UiTM) bagi mengenalpasti, mendokumen dan mengiktiraf tugas dan tanggungjawab seseorang pensyarah termasuk aktiviti pengajaran, keserjanaan akademik dan perkhidmatan/sumbangan.
- 1.2 ATP merupakan mekanisma awal yang perlu diguna oleh seseorang pensyarah sebagai asas perancangan sasaran kerja tahunan (SKT), penilaian prestasi tahunan dan kenaikan pangkat. Oleh itu, ATP perlu disediakan di awal setiap semester pengajian.
- 1.3 ATP adalah berdasarkan jumlah jam bekerja seminggu bagi seorang pensyarah mengikut empat (4) trek utama, iaitu:
  - Pengajaran & Pembelajaran
  - Penyelidikan
  - Pengamal Industri
  - Kepimpinan Institusi
- 1.4 Pengiraan ATP bagi seseorang pensyarah adalah minimum 39 jam seminggu bagi setiap semester pengajian.

## 2.0 DEFINISI DAN PENGIRAAN KOMPONEN ATP

- 2.1 Komponen utama ATP merangkumi Amanah Tugas Syarahan (ATS) dan Kesetaraan Jam Syarahan (KJS).
  - 2.1.1 ATS adalah amanah tugas seseorang pensyarah berkenaan pengajaran dan pembelajaran (P&P) termasuk aspek penyediaan P&P.
  - 2.1.2 KJS adalah amanah tugas seseorang pensyarah selain daripada P&P termasuk yang berkaitan dengan keserjanaan akademik dan perkhidmatan.

2.2 Formulasi ATP adalah seperti berikut:



di mana,

**KS** = Kontek Syarahan

**PS** = Penyediaan Syarahan

**K1** = Penyeliaan

**K2** = Penyelidikan, Penerbitan & Penulisan, Penilaian Akademik, Perundingan, Inovasi & Pengkomersilan

**K3** = Perkhidmatan dan Pentadbiran

2.3 Asas pengiraan ATS yang merangkumi komponen KS dan PS adalah seperti berikut:

2.3.1 Konteks Syarahan (KS)

- a. Pengiraan KS adalah berdasarkan jam sebenar aktiviti pengajaran.
- b. KS merangkumi semua jenis syarahan termasuk kategori *Guided Learning Time* (GLT) di dalam mod *Blended Learning* dan aktiviti tutorial/makmal/dapur/studio/lapangan dsb.
- c. KS bagi *team teaching* adalah berdasarkan purata jam sebenar mengajar sesemester bagi setiap pensyarah dalm kumpulan.
- d. Penetapan KS seseorang pensyarah adalah tertakluk kepada keperluan fakulti/kampus/pusat akademik.

2.3.2 Persediaan Syarahan (PS)

- a. PS mengambil kira aspek berikut:
  - kesetaraan jam syarahan yang diberikan kepada pensyarah.
  - proses penyediaan aktiviti mengajar dan penilaian bagi syarahan/tutorial/makmal /dapur/studio/ lapangan.
  - persediaan bagi aktiviti pengajaran dan penilaian tanpa mengambilkira peringkat pengajian dan bentuk pertemuan.
  - pengiraan berdasarkan bilangan pelajar, waktu jam temu dan kepelbagaian kod kursus pensyarah.
- b. PS bagi setiap jam temu adalah bersamaan minimum 0.5 jam untuk setiap satu (1) jam KS bagi semua aktiviti akademik (syarahan, tutorial, makmal, dapur, studio, lapangan, dsb.).
- c. Perincian tambahan PS berdasarkan bilangan pelajar adalah seperti di Jadual 1.

**Jadual 1: Penyelarasan Komponen PS Mengikut Bilangan Pelajar**

Bilangan Pelajar Dalam Kumpulan	ATS = KS + PS (jam)
Sehingga 30	1 + 0.5
31 - 40	1 + 0.6
41 - 60	1 + 0.8
61 - 80	1 + 1.0
81 - 100	1 + 1.2
100 - 150	1 + 1.5
> 150	1 + 1.8

- d. Perincian tambahan PS bagi pengajaran berdasarkan waktu jam temu adalah seperti berikut:
- Waktu perdana : 0.5 (minimum – rujuk Jadual 1)
  - Waktu malam (selepas 6 petang) : 1.0
  - Waktu hujung minggu : 1.5
- e. Perincian tambahan PS bagi pengajaran berbilang kod kursus adalah seperti di Jadual 2.

**Jadual 2: Penyelarasan Komponen PS Mengikut Bilangan Kod Kursus**

Bilangan Kod Kursus	Tambahan PS dari jumlah ATS
1 kod kursus	Tiada perubahan
2 kod berbeza	1 jam
3 kod berbeza	2 jam
4 kod berbeza	3 jam
Lebih dari 4 kod berbeza	4 jam

## 2.4 Asas pengiraan KJS

- 2.4.1 KJS merangkumi komponen Penyeliaan (K1), Penyelidikan, Penerbitan & Penulisan, Penilaian Akademik, Perundingan, Inovasi & Pengkomersilan (K2) dan Perkhidmatan dan Pentadbiran (K3).
- 2.4.2 Pengiraan KJS bagi komponen K1 adalah merupakan komitmen sebenar pensyarah bagi semester berkenaan.
- 2.4.3 Pengiraan KJS bagi komponen K2 adalah merupakan perancangan dan komitmen awal seseorang pensyarah bagi semester berkenaan. Sekiranya hasil perancangan ini tidak dapat dicapai pada semester yang berikutnya, fakulti/kampus/pusat akademik berhak untuk menambah tugas pengajaran pensyarah yang berkenaan melalui pertambahan KS.

## 3.0 PEMBAHAGIAN KOMPONEN ATS MENGIKUT TREK

### 3.1 Trek Pengajaran dan Pembelajaran (P&P)

- 3.1.1 Penetapan ATP di dalam Trek P&P adalah berdasarkan kepada gred jawatan.
- 3.1.2 ATP bagi pensyarah bergred jawatan DU dan DUG adalah tertakluk kepada ketetapan fakulti/pusat akademi/kampus masing-masing.

3.1.3 Tugas pengajaran boleh digunakan (dan ditambah) bagi memenuhi jam syarahan sekiranya seseorang pensyarah tidak/kurang melibatkan diri dalam tugas penyeliaan/penyelidikan /penerbitan/penilaian akademik/perundingan/perkhidmatan dan pentadbiran.

3.1.4 Pengiraan ATS bagi Trek P&P adalah seperti di Jadual 3.

**Jadual 3: Pembahagian Komponen ATS bagi Trek P&P**

Gred Jawatan	KS	PS	Jumlah ATS
VK 7/6/5	8	4	12
DM53/54	12	6	18
DM51/52	15	7	22
DM45/46	16	8	24
DM41	18	9	27
DM32/36	18	9	27

## 3.2 Trek Penyelidikan

3.2.1 Penetapan ATP di dalam Trek Penyelidikan adalah berdasarkan kepada status penyelidikan semasa yang sedang dilaksanakan.

3.2.2 Kelulusan bagi Trek Penyelidikan perlu diperolehi daripada Jawatankuasa Entiti Kecemerlangan Universiti.

3.2.3 Pemberian Trek Penyelidikan hanya boleh dipertimbangkan dan disokong oleh Dekan/Rektor/ Ketua PTJ untuk:

- ahli tetap Entiti Kecemerlangan Tier 1 (WCoE), Tier 2 (HICoE) dan Tier 3 (CoE); atau
- ketua penyelidik (*principal investigator*) projek penyelidikan yang dibiayai oleh agensi luar UiTM; atau
- ahli aktif kepada sekurang-kurangnya dua projek penyelidikan berbiaya dari agensi luar UiTM.

3.2.4 Pemberian kelayakan pemilihan trek ini adalah seperti berikut:

- ditetapkan setahun sekali iaitu pada semester September; dan
- berdasarkan pencapaian penyelidikan di semester sebelumnya dan perancangan penyelidikan di semester semasa.

3.2.5 Pengiraan KS di dalam ATS bagi Trek Penyelidikan adalah mengikut tahap penglibatan di dalam aktiviti penyelidikan seperti di Jadual 4.

**Jadual 4: Pembahagian Komponen ATS bagi Trek Penyelidikan**

<b>Tahap Penglibatan Aktiviti Penyelidikan</b>	<b>Aras</b>	<b>Gred Jawatan</b>	<b>KS</b>	<b>PS</b>	<b>Jumlah ATS</b>
Pusat Kecemerlangan Antarabangsa <i>World Class Centre of Excellence (WCOE)</i>	<i>Tier 1</i>	DM51 - VK	2	1	3
Pusat Kecemerlangan Nasional <i>High Institutions Centre of Excellence (HiCOE)</i>	<i>Tier 2</i>	DM51 - VK	3	2	5
Pusat Kecemerlangan <i>Centre of Excellence (COE)</i>	<i>Tier 3</i>	DM51 - VK	4	2	6
Pusat Penyelidikan <i>Research Centre (RC)</i> & Kumpulan Inisiatif Penyelidikan <i>Research Initiative Group (RIG)</i>	<i>Tier 4</i> & <i>Tier 5</i>	VK	5	3	8
		DM53/54	6	3	9
		DM51/52	8	4	12
		DM45	10	6	18

### 3.3 Trek Pengamal Industri

- 3.3.1 Penetapan ATP di dalam Trek Pengamal Industri adalah berdasarkan kepada status perundingan/projek/kepakaran bidang semasa yang sedang dilaksanakan.
- 3.3.2 Pemberian Trek Pengamal Industri hanya boleh dipertimbangkan dan diluluskan oleh Dekan/Rektor/Ketua PTJ dan tertakluk kepada syarat-syarat berikut:
- mengamal kepakaran bidang; dan
  - berdaftar dengan badan profesional yang diiktiraf (bagi yang dikawalselia oleh lembaga/badan profesional); atau
  - mendapat kelayakan profesional (cth.: P.Eng); atau
  - mempunyai portfolio berkaitan sebagai bukti penghasilan kerja profesional.
- 3.3.3 Pemberian kelayakan pemilihan trek ini adalah seperti berikut (kecuali pensyarah kategori DU dan DUG):
- ditetapkan setahun sekali iaitu pada semester September;
  - berdasarkan pencapaian profesional/kepakaran di semester sebelumnya dan perancangan profesional/kepakaran di semester semasa serta akan datang;
  - lantikan khusus mengikut bidang kepakaran yang telah dikenalpasti, skop tugas dan tanggungjawab bagi sesuatu tempoh yang telah ditetapkan; dan
  - mendaftar perundingan/projek dengan Universiti.

3.3.4 Mengambil kira pensyarah dari pelbagai bidang dan kepakaran, julat pembahagian komponen ATS bagi trek ini adalah di antara 6 – 22 jam.

3.3.5 Setiap fakulti/kampus/pusat akademik perlu menyediakan pembahagian komponen ATS pensyarah masing-masing mengikut keperluan dan kemampuan.

### 3.4 Trek Kepimpinan Institusi

3.4.1 Penetapan ATP di dalam Trek Kepimpinan Institusi adalah mengikut jawatan pentadbir akademik berdasarkan lantikan.

3.4.2 Pembahagian komponen ATS bagi Trek Kepimpinan Institusi adalah seperti di Jadual 5.

**Jadual 5: Pembahagian Komponen ATS bagi Trek Kepimpinan Institusi**

Jawatan Pentadbiran	KS	PS	Jumlah ATS
Naib Canselor	0	0	0
Timbalan Naib Canselor	0	0	0
Penolong Naib Canselor/ Dekan/ Rektor/Pengarah	2	1	3
Timbalan Dekan/Timbalan Rektor/ Timbalan Pengarah/ Penolong Rektor/ Pengetua Kolej	4	2	6
Ketua Pusat/Bahagian/Unit	6	3	9
Koordinator Akademik/Bahagian/ Pusat/Unit/Institusi	8	4	12

3.4.3 Lantikan Felo dan Penyelaras tidak dikategorikan sebagai pentadbir akademik. Ketetapan trek dan komponen ATP bagi Felo dan Penyelaras adalah seperti berikut:

a. Felo

- Dilantik di pusat penyelidikan: Trek Penyelidikan (sekiranya berkenaan).
- Melibatkan pertukaran PTJ (*secondment*): Trek Kepimpinan Institusi (sama seperti ATP bagi Koordinator Akademik).

b. Penyelaras

- Tidak melibatkan pertukaran PTJ: Skop tugas dan tanggungjawab dikira di dalam K3.



#### 4.0 PENYELARASAN KOMPONEN DAN PEMBAHAGIAN KJS

##### 4.1 Aktiviti Penyeliaan (K1)

4.1.1 K1 merangkumi kesetaraan jam aktiviti penyeliaan termasuk penyeliaan tesis, projek tahun akhir, disertasi, latihan industri/latihan amali/praktikum (tidak termasuk latihan klinikal).

4.1.2 Kesetaraan jam bagi aktiviti K1 adalah seperti di Jadual 6.

**Jadual 6: Kesetaraan Jam bagi Komponen K1 (semua trek)**

Aktiviti	Kesetaraan Jam (bagi setiap pelajar)	
	Penyelia Utama	Penyelia Bersama
PhD / Sarjana (Penyelidikan / Klinikal)	2	1
PhD (Kerja Kursus)	2	1
Sarjana (Kerja Kursus)	1	0
Sarjana Muda / Diploma (Projek Tahun Akhir)	1	0
Latihan industri / latihan amali / praktikum yang memerlukan penyeliaan berterusan di sepanjang semester.	1	
Penyeliaan pensyarah <i>junior</i>	1	

##### 4.2 Aktiviti Penyelidikan, Penerbitan & Penulisan, Penilaian Akademik, Perundingan, Inovasi & Pengkomersilan (K2)

4.2.1 Setiap PTJ harus memastikan pengiraan aktiviti K2 hanya mengambilkira hasil kerja yang memanfaatkan UiTM.

4.2.2 Kesetaraan jam bagi aktiviti K2 adalah seperti di Jadual 7 hingga 11.

A. Penyelidikan

**Jadual 7: Kesetaraan Jam bagi Aktiviti Penyelidikan dan Perundingan Berbentuk Penyelidikan (Termasuk Karya Seni) di bawah Komponen K2 (semua trek)**

Aktiviti	Kesetaraan Jam (bagi setiap aktiviti)	
	Ketua	Ahli
Dengan geran (tanpa mengira nilai geran)	3	2
Tanpa geran tetapi berdaftar dengan IRMI	2	1
Dengan lantikan rasmi dengan pengesahan PTJ	2	1

B. Penerbitan dan Penulisan

**Jadual 8: Kesetaraan Jam bagi Aktiviti Penerbitan dan Penulisan di bawah Komponen K2 (semua trek)**

Aktiviti *	Kesetaraan Jam (bagi setiap aktiviti)
Setiap artikel jurnal (berwasit)	4
Buku (dengan surat daripada penerbit) / karya kreatif	4
<i>e-content</i> untuk satu kursus penuh	4
Bab dalam buku	2
Satu topik (penuh) <i>e-content</i>	2
Mengedit buku yang sedia ada (dengan surat daripada penerbit)	2
Manual berorientasikan penyelidikan/pengajaran (berwasit/ISBN)	2
Buku kerja/siri rujukan yang diterbitkan (ISBN)	2
Penulisan untuk terbitan umum (majalah, surat khabar dsb.)	2
Manual rasmi / modul / polisi / laporan teknikal / garis panduan dsb.	2

\*Bukti penghantaran penulisan kepada penerbit diperlukan.

C. Penilaian Akademik

**Jadual 9: Kesetaraan Jam bagi Aktiviti Penilaian Akademik di bawah Komponen K2 (semua trek)**

Aktiviti	Kesetaraan Jam
Penilai viva PhD / Sarjana (setiap pelajar)	1
Panel penilai projek Sarjana Muda / Diploma (setiap pelajar)	0.5
Lawatan dan penilaian latihan industri / latihan amali / praktikum (setiap pelajar)	0.5
Penilai artikel jurnal / prosiding konferensi (setiap artikel)	0.5

\* 1 jam seminggu bersamaan dengan 18 jam per aktiviti di dalam satu semester (18 minggu).

D. Perundingan (latihan / bengkel)

**Jadual 10: Kesetaraan Jam bagi Aktiviti Perundingan dalam Bentuk Latihan/Bengkel di bawah Komponen K2 (semua trek)**

Aktiviti	Kesetaraan Jam	
	Penceramah	Fasilitator
Program satu hari (8 jam)	1	1
Program setengah hari (<4 jam)	0.5	0.5

\* 1 jam seminggu bersamaan dengan 18 jam per aktiviti di dalam satu semester (18 minggu).

**Nota:**

Aktiviti perundingan dalam bentuk latihan/bengkel yang berbayar hanya diambilkira jika dijalankan:

- a. di luar skop tugas semasa
- b. di luar waktu pejabat

## E. Inovasi dan Pengkomersilan

**Jadual 11: Kesetaraan Jam bagi Aktiviti Inovasi dan Pengkomersilan di bawah Komponen K2 (semua trek)**

Aktiviti	Kesetaraan Jam	
	Ketua	Ahli
Pertandingan inovasi/IP/KIK (setiap projek/produk)	1	0.5
Pengkomersilan (setiap produk)	1	0.5

### 4.3 Aktiviti Perkhidmatan & Pentadbiran (K3)

#### 4.3.1 Perkhidmatan sebagai Pentadbir Akademik (K3\*)

- Penetapan kesetaraan jam perkhidmatan di bawah KJS bagi Pentadbir Akademik adalah mengikut jawatan dan lantikan, dan bukan berdasarkan gred perkhidmatan.
- Kesetaraan jam bagi aktiviti K3\* adalah seperti di Jadual 12.

**Jadual 12: Kesetaraan Jam Kesetaraan di bawah Komponen K3\***

Jawatan Pentadbiran	Kesetaraan Jam
Naib Canselor	27
Timbalan Naib Canselor	27
Penolong Naib Canselor/ Dekan/Rektor/Pengarah	24
Timbalan Dekan/ Timbalan Rektor/ Timbalan Pengarah/ Penolong Rektor/ Pengetua Kolej	21
Ketua Pusat/Bahagian/Unit	18
Koordinator Akademik/Bahagian/Pusat/ Unit/ Institusi	15

\*K3 pentadbiran/tugasan (tidak termasuk K3 untuk jawatankuasa dan perkhidmatan lain)

4.3.2 Kesetaraan jam bagi aktiviti K3 yang merangkumi perkhidmatan dalam jawatankuasa, perkhidmatan berkaitan klinikal dan tugas membantu pentadbiran akademik & pembangunan pelajar adalah seperti di Jadual 13 hingga 15.

A. Perkhidmatan dalam Jawatankuasa

**Jadual 13: Kesetaraan Jam bagi Aktiviti Perkhidmatan dalam Jawatankuasa di bawah Komponen K3**  
(semua trek)

Peringkat	Kesetaraan Jam	
	Pengerusi	Ahli
Universiti/Kampus/Fakulti/Bahagian (tetap)	3	1
Luaran (profesional / bukan profesional)	2	1
Aktiviti ( <i>ad-hoc</i> )	2	1
Kolej (staf residen sahaja)	3	

B. Perkhidmatan berkaitan Klinikal

**Jadual 14: Kesetaraan Jam bagi Aktiviti Perkhidmatan Berkaitan Klinikal di bawah Komponen K3**  
(semua trek)

Aktiviti klinikal	Kesetaraan Jam
Sesi klinik / Laporan makmal / Laporan radiologi	5
Rondaan wad ( <i>Ward-round</i> )	4
Tugasan atas panggilan ( <i>On-call</i> ) (aktif/pasif)	2
Pembedahan (OT) / Prosedur	2

C. Tugas-Tugas Membantu Pentadbiran Akademik & Pembangunan Pelajar

**Jadual 15: Kesetaraan Jam bagi Tugas-Tugas Membantu Pentadbiran Akademik dan Pembangunan Pelajar di bawah Komponen K3 (semua trek)**

<b>Aktiviti</b>	<b>Kesetaraan Jam</b>
Penyelaras	5
Pensyarah Sumber ( <i>Resource Person</i> )	4
<i>Lecturer incharge</i> (LIC)	2
Penasihat Akademik	1
Penasihat Persatuan / Kelab Pelajar (berdaftar dengan HEP)	1

## 5.0 PEMBAHAGIAN DAN HAD MAKSIMUM KOMPONEN ATP MENGIKUT TREK

5.1 Pembahagian semua komponen ATP, kesetaraan jam mengikut trek pensyarah dan had maksimum ATP adalah seperti di Jadual 16 hingga 19.

5.2 Had maksimum ATP seminggu bagi seseorang pensyarah adalah 50 jam.

**Jadual 16: Pembahagian Komponen ATP dan Kesetaraan Jam bagi Trek P&P**

Gred Jawatan	ATS			KJS				ATP
	KS	PS	Jumlah	K1	K2	K3	Jumlah	
VK 7/6/5	8	4	12	6	15	6	27	39
<i>Maksimum</i>	12	6		8	16	8		50
DM53/54	12	6	18	4	12	5	21	39
<i>Maksimum</i>	14	7		6	16	7		50
DM51/52	15	7	22	3	10	4	17	39
<i>Maksimum</i>	18	9		5	12	6		50
DM45/46	16	8	24	2	8	5	15	39
<i>Maksimum</i>	20	10		4	8	8		50
DM41	18	9	27	0	4	8	12	39
<i>Maksimum</i>	20	10		0	8	12		50
DM32/36	18	9	27	0	2	10	12	39
<i>Maksimum</i>	20	10		0	8	12		50

\*Had maksimum juga terpakai untuk pensyarah dengan gred jawatan DU dan DUG.

Jadual 17: Pembahagian Kesetaraan Jam Mengikut Komponen ATP bagi Trek Penyelidikan

Tahap Penglibatan Aktiviti Penyelidikan	Aras		ATS			KJS				ATP
			KS	PS	Jumlah	K1	K2	K3	Jumlah	
Pusat Kecemerlangan Antarabangsa <i>World Class Centre of Excellence (WCOE)</i>	Tier 1	DM51 - VK	2	1	3	10	20	6	36	39
		<i>Maksimum</i>	5	3		12	22	8		50
Pusat Kecemerlangan Nasional <i>High Institutions Centre of Excellence (HiCOE)</i>	Tier 2	DM51 - VK	3	2	5	10	18	6	34	39
		<i>Maksimum</i>	6	4		12	20	8		50
Pusat Kecemerlangan <i>Centre of Excellence (COE)</i>	Tier 3	DM51 - VK	4	2	6	10	16	6	32	39
		<i>Maksimum</i>	8	4		12	18	8		50
Pusat Penyelidikan <i>Research Centre (RC)</i> & Kumpulan Inisiatif Penyelidikan <i>Research Initiative Group (RIG)</i>	Tier 4 & Tier 5	VK	5	3	8	10	15	6	31	39
		DM53/54	6	3	9	8	15	7	30	39
		DM51/52	8	4	12	6	15	6	27	39
		DM45	10	6	18	3	12	6	21	39
<i>Maksimum</i>			10	6		10	16	8		50

Jadual 18: Contoh Pembahagian Kesetaraan Jam Mengikut Komponen ATP bagi Trek Pengamal Industri

Status Profesional	ATS			KJS				ATP
	KS	PS	Jumlah	K1	K2	K3	Jumlah	
Penglibatan profesional (semua gred jawatan)	8	4	12	3	18	6	27	39



Nota:

- setiap fakulti/kampus/pusat akademik perlu menyediakan pembahagian komponen ATP pensyarah masing-masing.
- Julat ATS adalah 6-22 jam dan KJS adalah 17-33 jam.
- Had maksimum adalah 50 jam.

**Jadual 19: Pembahagian Jam Kesetaraan Mengikut Komponen ATP bagi Trek Kepimpinan Institusi**

Jawatan Pentadbiran	ATS			KJS					ATP
	KS	PS	Jumlah	K1	K2	K3	K3*	Jumlah	
Naib Canselor	0	0	0	0	6	6	27	39	39
Timbalan Naib Canselor	0	0	0	2	6	4	27	39	39
Penolong Naib Canselor/ Dekan/ Rektor/Pengarah	2	1	3	2	6	4	24	36	39
Timbalan Dekan/ Timbalan Rektor/ Timbalan Pengarah/ Penolong Rektor/ Pengetua Kolej	4	2	6	2	6	4	21	33	39
Ketua Pusat/Bahagian/Unit	6	3	9	2	4	6	18	30	39
Koordinator Akademik/ Bahagian/Pusat/ Unit/Institusi	8	4	12	2	4	6	15	27	39
<i>Maksimum</i>	10	6		8	16	10			50

## 6.0 PENILAIAN PRESTASI

- 6.1 Seseorang pensyarah layak diberikan kadar minimum 85% di dalam penilaian prestasi tahunan apabila ATP memenuhi 39 jam seminggu, seperti yang telah digariskan di dalam pekeliling ini.
- 6.2 Walaubagaimanapun, kadar pemberian markah ini juga bergantung kepada kualiti pencapaian (P&P/kesarjanaan/perkhidmatan) seseorang pensyarah bagi tahun yang dinilai.